



'Harga tak munasabah'

■ Peniaga di Pasar Besar Siti Khadijah mula turunkan harga jualan ayam

Hazira Ahmad Zaidi
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Bberapa hari lalu harga seekor ayam mencapai RM30 seekor yang dijual sesetengah peniaga yang menaikkan harga berlipat kali ganda hingga membebani pembeli.

Tinjauan Harian Metro mendapati sejak pemantauan harga ayam dibuat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Keppenggunaan (KPDNKK) kelmarin, peniaga di Pasar Besar Siti Khadijah sudah menjual ayam di bawah paras harga siling seperti yang diterapkan.

Peniaga, Zarina Abdullah, 47, berkata, bermula semalam harga ayam yang dijual adalah RM9.50 sekilogram mengikut harga yang diterapkan, namun masih ada

peniaga di luar pasar yang mengambil kesempatan menyebabkan harga ayam di setiap tempat tidak selaras.

Katanya, bermula pada musim cuti persekolahan Mei lalu, harga ayam naik sekitar 20 sen hingga 30 sen setiap hari dan berikutnya itu harga yang dijual boleh mencapai sehingga RM16 seekor.

"Sebagai peniaga, harga ayam yang dijual tidak munasabah kerana alasan mereka menaikkan harga disebabkan bekalan tidak mencukupi."

"Sebelum ini, kebanyakannya peniaga menyalahkan pembekal kerana menjual ayam pada harga terlalu tinggi, namun sikap peniaga sendiri yang mahu mengaut keuntungan dalam masa yang singkat menyebabkan harga meningkat berlipat kali ganda," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Pembeli Habibah Awang,



ANGGOTA KPDNKK Kelantan meninjau ayam di Pasar Besar Siti Khadijah, Kota Bharu.

67, berkata, masalahkenaikan harga barang basah seperti ayam sudah dijangka kerana ia bukan saja berlaku pada hari raya malah pada hari biasa juga.

"Kita tidak boleh menyalahkan peniaga kerana bukan semua menjual ayam pada harga yang tinggi dan sebagai pembeli kita mempunyai hak untuk membuat pilihan," katanya.

Akhbar semalam mela-

membuat pemeriksaan menjelut di pasar besar di seluruh negeri selepas menerima lebih 16 aduan daripada pengguna.

Hasil pemeriksaan itu, KPDNKK mengeluarkan 21 notis mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 kepada peniaga di seluruh negeri ini dan Kota Bharu merekodkan kes tertinggi iaitu 12 kes.

Sementara itu, Pengarah

Ghani Harun berkata, enam pemborong dikenakan tindakan menerusi pemeriksaan menjelut di sekitar bandar, di antara jam 10 pagi hingga 2.30 petang, semalam.

Katanya, daripada jumlah itu tiga pemborong melakukan kesalahan kerana tidak memiliki lesen sebagai pemborong dan tiga lagi tidak menyelenggarakan sistem bekalan atau tidak menyediakan buku stok bekalan.

"Hasil pemantauan, pemborong mendapat bekalan ayam dari Perak, Kedah dan Pulau Pinang dengan harga di antara RM6.50 hingga RM7.50 sekilogram dan mereka jual pada peruncit pada harga RM15 seekor atau RM150 bagi 10 ekor ayam."

"Peruncit pula, menjual kepada pengguna di antara RM10 hingga RM35 seekor."

"Berkutian itu KPDNKK membuka kertas siasatan bagi mendakwa enam pemborong itu kerana menjual ayam dengan harga tidak munasabah mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011," katanya ketika dihubungi.

Kluang

Peniaga tekan pembeli

Tindakan segelintir peniaga menaikkan harga ayam sehingga RM9 sekilogram dengan memberikan alasan bekalan tidak mencukupi disifatkan melampau dan pihak dikenakan tindakan tegas.

Hasil tinjauan di Pasar Awam Kluang semalam, daripada enam kedai menjual ayam yang memulakan operasinya hanya sebuah menjual ayam pada harga RM8.80 manakala selebihnya RM9 sekilogram.

Penggung, Halil Abd Rahman, 55, berkata, apa yang dilakukan peniaga terbabit nyata mengambil kesempatan sempena dengan musim cuti perayaan selain tiada pemantauan daripada pihak berwajah.

Katanya, penetapan harga barangan harga terkawal yang berkuatkuasa sehingga 6 Julai saja juga menjadi penyebab peniaga mengambil kesempatan di atas kekurangan bekalan disebabkan banyak pusat pengeluaran ayam masih tidak beroperasi.

FAKTA
Harga ayam naik sekitar 20 sen hingga 30 sen setiap hari